

IN PAGI 18A 16 (p-m)

**BINCANG...**  
(dari kiri)  
Anthony  
dan Zainul  
berbincang  
dengan  
Daing Nasir  
mengenai  
kerjasama  
antara UMP  
dan NSTP  
sambil  
diperhatikan  
Rosli  
(kanan).



## Delegasi UMP kunjungi NSTP

KUALA LUMPUR: Dalam usaha mengejutkan hubungan baik dengan media serta bekerjasama dalam pelbagai program, pengurusan tertinggi Universiti Malaysia PAhang (UMP) mengadakan lawatan ke Balai Berita, The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) di sini, semalam.

Lawatan yang diketuai Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim itu disertai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Sabarudin Mohd; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Rosli Mohd Yunus; Ketua Timbalan Pendaftar UMP, Datin Faiza Ali dan Pegawai Perhubungan Awam dan Media UMP, Nadzariah Mohamed.

Kunjungan itu bertujuan menjalin hubungan dengan akhbar kumpulan NSTP, iaitu

Berita Harian, Harian Metro dan New Straits Times bagi membentuk hubungan kerjasama antara UMP dan organisasi media.

Hadir meraikan rombongan UMP ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) NSTP, Datuk Anthony Firdauz Bujang; Pengarang Urusan Kumpulan NSTP, Zainul Arifin Mohammed Isa; Pengarang Kumpulan Berita Harian, Mior Kamarul Shahid; Pengarang Unit Pendidikan Berita Harian, Zainor Said dan Pengurus Kanan Pembangunan Pengeluaran, Sazali Hashim.

Pada sesi dialog yang diadakan, Zainul Arifin, berkata pensyarah universiti tempatan digalakkan menulis serta menghantar artikel mengenai bidang masing-masing untuk diisarkan.

Katanya, walaupun kini ada di kalangan pensyarah sudah melakukannya tetapi masih tertumpu pada universiti yang sama saja.